

| | | | |
|------------|-----------------|-------------|--------------------|
| Headline | SARANAN | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 15 Jul 2016 | Color | Full Color |
| Section | Letters | Circulation | 171,663 |
| Page No | 24 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 92 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,818 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,455 |



SARANAN

■ **MASIH** ramai lagi pemandu yang menggunakan lorong kecemasan. Mereka ini tidak hairan dengan denda yang dikenakan. Pemandu yang tidak bertanggungjawab harus dipenjarakan.

NEK TON

■ **PENGARAH** filem kaut untung berjuta-juta ringgit manakala pelakon merempat setelah tidak lagi berlakon. Saya cadangkan agar kesemua pelakon bersatu hati dan bergabung tenaga mengadakan beberapa projek termasuk membuat filem bagi memastikan mengisi tabung kebajikan demi masa depan mereka.

012-611XXXX

■ **MOHON** kerajaan beri lebih kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka berkaitan pemberian nama kawasan, jalan, bangunan dan lain-lain perkara melibatkan bahasa kebangsaan. Malu bila pelancong datang tengok semuanya guna nama 'mat salih'.

PAK MALAU

■ **SOKONG** saranan **IBU PELAJAR PERAK** dalam ruangan *Forum Utusan Malaysia* bertarikh 11 Julai 2016 yang meminta Tabung Haji memperluaskan penajaan *Tutor Utusan Malaysia* ke sekolah terutama aliran agama di seluruh negara.

PENYIMPAN TEGAR

■ **SAYA** bersependapat dengan **Y48** yang menyarankan agar drama *Mak Cun* di TV3 ditamatkan siarannya kerana ramai yang sudah meluat dan beralih angin menonton drama Melayu yang lebih berkualiti di saluran lain.

017-674XXXX